Selain itu, Timbalan Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Dr. Noriati A. Rashid dalam Azeli (2015) berkata, murid-murid perlu diterapkan nilai patriotik sejak dari awal persekolahan. Guru berperanan amat besar sebagai ejen perubahan bagi memupuk nilai sayang akan negara. Situasi ini amat bertepatan untuk menonjolkan nilai patriotik. Oleh itu, jelaslah bahawa tugas guru di dalam bilik darjah bukan hanya mengajar subjek yang diarahkan kepada mereka. Selain itu, guru juga berperanan menerapkan nilai murni contohnya nilai patriotik semasa pengajaran (Ku Hasnita & Mohd Haizam, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendapat ini disokong oleh Ahmad Shah (2013) dengan menyatakan murid sekolah perlu diterapkan dengan nilai patriotik. Tambah beliau, semangat cintakan akan negara amat diperlukan supaya generasi negara akan datang bakal menjadi generasi yang mempunyai semangat patriotik.

Nyanyian merupakan aktiviti yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran muzik. Nyanyian adalah asas kemahiran bermuzik (Mey, 2015). Melalui nyanyian lagu patriotik, penerapan nilai patriotik lebih mudah dilakukan (Mohd Hazmizar & Wan Nur Faliqha, 2015). Nilai patriotik dapat dizahirkan melalui seni kata lagu patriotik (Mohd. Nor, 2015). Oleh itu, Pendidikan Muzik dalam hal ini dilihat dapat mendidik setiap murid serta menerapkan nilai patriotik (Amelda & Farid, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dewasa ini, kebanyakan sumber pengajaran berkaitan bagaimana pengajaran untuk menerapkan nilai patriotik melalui nyanyian lagu patriotik adalah berdasarkan blog-blog yang dibangunkan oleh para Pendidik Muzik. Seiring dengan perkembangan zaman, kaedah pengajaran berkonsep baharu perlu dibangunkan untuk menerapkan nilai patriotik kepada murid (Tan Sri Arshad Ayub, 2014).

Selain itu, terdapat kajian-kajian lepas yang boleh dikaitkan dengan strategi, kaedah, serta teknik yang boleh diaplikasikan bagi menerapkan nilai patriotisme dalam kalang murid. Strategi serta teknik ini seharusnya didedahkan kepada para guru bagi membolehkan mereka mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran mereka di sekolah. Penyelidik berharap agar hasil kajian ini dapat membantu para guru dalam mencapai objektif tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.3 Pernyataan Masalah

Tinjauan awal pengkaji mendapati bahawa kebanyakan guru Pendidikan Muzik yang mengajar di tahap dua kurang mengaplikasikan teknik pengajaran yang dapat menerapkan nilai patriotik dalam kalangan murid. Temu bual bersama beberapa orang Guru Pendidikan Muzik Tahap 2 dalam Daerah Kinta Utara, turut mengakui bahawa mereka kekurangan bahan pengajaran seperti modul, panduan guru, garis panduan dan kaedah pengajaran bagi menerapkan nilai patriotik ketika mengajar nyanyian lagu patriotik. Selain itu, Guru-Guru Pendidikan Muzik ini tidak pernah mendapat kursus yang formal dalam bidang tersebut sama ada dari Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara atau Jabatan Pendidikan Negeri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2010), salah satu hasrat Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang ingin dicapai ialah menghasilkan warga negara yang bertanggungjawab merangkumi berbudi, bersatu padu, penyayang dan berbakti. Pendidikan patriotik ditekankan sebagai satu daripada komponen yang ingin dilahirkan dalam pendidikan pada masa kini. Nilai ini merupakan satu dari nilai murni yang amat penting bagi membangunkan generasi akan datang agar menjadi rakyat Malaysia yang boleh berbakti dan menjaga kedaulatan negara. Namun begitu penerapan nilai patriotik agak kurang diberikan penekanan jika dibandingkan dengan nilai-nilai yang lain. (Tengku Khairi, 2015).

Menurut Razliqah (2010), tidak ramai remaja hari ini yang mempunyai kesedaran akan nilai patriotik. Bagi mereka, semangat untuk sayang akan negara tidak penting kerana mereka selesa dengan kehidupan yang dijalani oleh mereka. Fenomena ini amat merisaukan kita kerana generasi muda pada hari ini adalah pelapis kepada generasi akan datang. Sebahagian daripada mereka akan bertindak sebagai pemimpin masyarakat dan pemimpin negara. Justeru, beliau menegaskan pelbagai langkah yang drastik dan pragmatik perlu diambil bagi memastikan kita mempunyai pelapis pentadbir yang berwawasan.

Tengku Khairi (2015) pula telah membangkitkan banyak persoalan berkaitan nilai patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia. Lebih mendukacitakan hal ini berlaku dalam kalangan pemimpin dan penjawat awam. Jika keadaan ini berterusan, gejala ini sebenarnya mampu merosakkan negara. Hal ini demikian kerana untuk mempertingkat rasa cinta akan negara, jati diri dan nilai patriotik adalah pilihan yang boleh dilaksanakan selain mengutamakan aspek iman dan moral dalam diri warganegara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Antara persoalan yang diutarakan oleh beliau ialah:

1. Apakah sikap negatif seperti rasuah dan salah guna kuasa berlaku kerana kurangnya rasa patriotik terhadap negara atau kerana desakan ekonomi semasa?

2. Adakah aspek perpaduan yang semakin pudar yang mampu meruntuhkan nilai patriotik?

3. Bagaimana suasana Malaysia pada masa akan datang?

4. Adakah wajar senario ini dipersalahkan kepada kerajaan atau sistem pendidikan negara?

5. Apakah cara terbaik menghapuskan keadaan ini?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hakikatnya, masalah penerapan nilai patriotik di dalam bilik darjah wujud sebagaimana yang dinyatakan oleh Alexis dan Heidi (2013) apabila beliau mempertikaikan peranan Guru Pendidikan Muzik di sekolah-sekolah. Menurut beliau, tidak terdapat keseimbangan peranan guru dalam menerapkan nilai patriotik semasa mengajar nyanyian lagu patriotik yang mana guru lebih menumpukan kepada faktor muzikal tetapi mengabaikan aspek menerapkan nilai di sebalik lirik lagu yang diajar. Tegas beliau lagi, seni kata lagu patriotik yang diajar secara terangan memperkatakan tentang nilai patriotik dan aktiviti yang bersifat menerapkan nilai patriotik dapat dijalankan dengan mudah sekiranya guru bijak mengambil peluang ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Raja Sulaiman (2011) turut mendakwa bahawa Guru Pendidikan Muzik di sekolah rendah pada hari ini hanya menumpukan kepada kandungan yang terdapat di dalam buku teks sahaja. Guru-guru seakan terlupa peri pentingnya penerapan nilai patriotik dijalankan semasa poses pengajaran dan pembelajaran seiring dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Mah (2006) menjelaskan pengajaran Pendidikan Muzik adalah tertumpu pada aktiviti nyanyian, gerakan, permainan genderang dan permainan rekoder.

Seterusnya Hamimah (2010), dalam kajiannya bertajuk Pemupukan Patriotisme Dalam Pendidikan Sejarah Tingkatan Satu menyatakan sebahagian besar responden kajian yang dijalankan oleh beliau tidak berpeluang untuk menghadiri kursus-kursus untuk memupuk nilai patriotik dalam pengajaran dan pembelajaran. Hanya sebilangan kecil kursus dalaman yang disediakan oleh pihak sekolah. Isu ini turut diakui oleh Mohd Fadzil (2016), Penyelia Kurikulum (Akademik) Jabatan Pendidikan Negeri Perak menyatakan bahawa tiada kursus yang diadakan disebabkan kekurangan dana untuk melaksanakannya.

Menurut Che Zanariah dan Fadzilah (2011) dalam kajian mereka yang bertajuk Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah mendapati bahawa guru-guru tidak terlatih dalam sukatan baharu yang mengandungi kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK), kemahiran bernilai tambah (KBT) dan kemahiran komunikasi interpersonal. Mereka juga tidak diberikan panduan bagaimana menerapkan nilai murni ketika pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Seterusnya, satu temu bual juga turut diadakan bersama dengan salah seorang pensyarah Unit Muzik Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh iaitu En. Mubin (2016). Menurut beliau, Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) subjek Pendidikan Muzik lebih mengutamakan kepada dua perkara iaitu isi kandungan Pendidikan Muzik dan kaedah pengajaran Pendidikan Muzik. Penerangan berkaitan penerapan nilai patriotik yang terkandung dalam RMK kepada guru pelatih adalah secara sepintas lalu sahaja. Beliau mengakui bahawa guru perlu dibekalkan kaedah pengajaran terkini bagi disesuaikan dengan situasi semasa supaya penerapan nilai patriotik akan menjadi lebih menarik perhatian murid dan akan memberi kesan yang lebih mendalam.

Selain itu, Pensyarah Cemerlang Pendidikan Muzik Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Abdul Razak (2016) menyatakan bahawa berdasarkan Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) Pendidikan Muzik, nilai patriotik terletak di bawah domain afektif. Namun begitu tiada penerangan yang jelas bagaimana guru pelatih perlu mengaplikasikannya ketika di dalam bilik darjah semasa mereka mengikuti latihan mengajar dan seterusnya semasa mengajar nanti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Laporan Unit Praktikum, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh (2015) mengukuhkan lagi kenyataan ini dengan menyatakan bahawa hampir 35% guru yang menjalankan latihan mengajar kurang berkemahiran dalam menerapkan nilai murni kepada murid termasuklah nilai patriotik. Namun begitu, guru pelatih tidak harus dipersalahkan kerana mereka juga tidak didedahkan dengan kaedah yang mereka seharusnya lakukan semasa dalam latihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bagi mengatasi masalah ini, Tracy King (2015) dan beberapa oleh tokoh pendidikan muzik yang lain mencadangkan beberapa aktiviti lanjutan daripada aktiviti pengajaran nyanyian lagu patriotik sebagai pengukuhan penerapan nilai patriotik oleh guru. Dengan adanya aktiviti tambahan akan menambahkan keupayaan guru dalam menerapkan nilai patriotik. Kepelbagaian aktiviti membantu guru mengurangkan rasa bosan murid disebabkan oleh aktiviti yang sama setiap kali pembelajaran nyanyian.

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, aktiviti nyanyian lagu patriotik boleh membantu menerapkan nilai patriotik dengan syarat lagu yang dipilih adalah seiring dengan topik yang ingin diajar serta objektif yang telah digariskan. Pemilihan lagu dan lirik bertemakan patriotik membantu murid memahami maksud patriotik (Rosnira, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan pernyataan yang diberikan bolehlah disimpulkan bahawa Guru Pendidikan Muzik memerlukan satu kaedah pengajaran yang berkesan bagi membolehkan mereka memainkan peranan yang besar dalam menerapkan nilai patriotik dalam diri murid melalui aktiviti yang dijalankan semasa mengajar nyanyian lagu patriotik. Mata pelajaran Pendidikan Muzik boleh membantu sistem tingkah laku manusia ke arah tingkah laku yang stabil sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Mueller (1958).

Kajian ini perlu dijalankan supaya wujud satu kaedah pengajaran menerapkan nilai patriotik melalui aktiviti nyanyian yang jelas. Secara tidak langsung, masalah kekurangan kaedah pengajaran juga cuba diatasi (Hairul Nizam & Baharuddin, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Kefahaman kaedah pengajaran nyanyian lagu patriotik guru-guru juga dapat dipertingkatkan (Heinich, Molenda, & Smaldino, 1996).

Berdasarkan hujah-hujah yang dinyatakan, penyelidik telah membangunkan Kaedah Pengajaran Nyanyian dengan harapan kaedah ini dapat membantu guru-guru muzik mengaplikasikan kaedah pengajaran yang dapat menerapkan Nilai Patriotik kepada para pelajar dengan lebih yakin dan berkesan.

## 1.4 Objektif Kajian

Pendidikan patriotik amat penting dilaksanakan kepada generasi muda bagi menjamin kesejahteraan dan keamanan negara pada masa akan datang. Hal in demikian kerana terdapat dua objektif utama pendidikan patriotik. Pertama, ialah menerapkan semangat dan makna patriotik dalam jiwa dan yang kedua ialah menggalakkan belia menterjemahkan patriotik dalam bentuk sumbangan konkrit terhadap kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat serta negara (Ahmad Shah, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dua objektif yang dinyatakan di atas, persediaan yang rapi harus dilakukan oleh seorang Guru Pendidikan Muzik semasa merancang pengajaran dan pembelajaran bagi membolehkan sesi pengajaran itu menarik serta memberi kesan terhadap murid yang diajarnya. Pemilihan lagu patriotik dan aktiviti yang sesuai akan dapat menerapkan nilai patriotik dalam diri murid semasa pengajaran dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Di samping itu, kaedah pengajaran baharu perlu dibangunkan untuk digunakan sebagai panduan kepada guru. Kaedah ini juga boleh digunakan untuk membantu guru mempelbagaikan kaedah pengajaran selain daripada kaedah biasa atau tradisional yang sering dipraktikkan oleh guru.

Sehubungan dengan itu pengkaji telah membangunkan Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Penerapan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap Dua untuk diaplikasikan di dalam bilik darjah dalam kajian ini.

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Membangunkan Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Penerapan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap Dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Mengaplikasikan Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Penerapan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap Dua.

3. Menilai kebolehgunaan Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Penerapan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap Dua bagi membantu guru Pendidikan Muzik menerapkan nilai patriotik dalam pengajaran.

4. Menilai kesan Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Penerapan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap Dua kepada murid dalam mempamerkan aktiviti penghayatan nilai patriotik dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.5 Soalan Kajian

Secara amnya, kajian ini dibuat adalah untuk melihat bagaimana proses yang dijalankan oleh pengkaji bagi membangunkan Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Menerapkan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap 2 serta perlakuan Guru Pendidikan Muzik berpengalaman sekolah rendah mengaplikasikannya di sekolah-sekolah dalam Daerah Kinta Utara. Pemerhatian ini dilakukan semasa guru semasa mengajar nyanyian lagu patriotik di dalam bilik darjah. Selain pemerhatian, penilaian juga akan dilakukan untuk menilai sejauh mana kaedah ini diguna pakai dalam pengajaran menerapkan nilai patriotik semasa aktiviti mengajar nyanyian lagu patriotik. Di samping itu pengkaji juga ingin mendapatkan maklumat sejauh manakah Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Penerapan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap Dua bagi membantu murid dalam menghayati nilai patriotik semasa aktiviti pembelajaran di dalam kelas?

Soalan kajian adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Penerapan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap Dua dibangunkan?

2. Bagaimanakah kaedah pengajaran yang dibangunkan diaplikasikan di dalam bilik darjah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3. Sejauh manakah Kaedah Pengajaran yang dibangunkan dapat membantu Guru Pendidikan Muzik melaksanakan pengajaran nyanyian bagi menerapkan nilai patriotik dalam pengajaran?

4. Sejauh manakah Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Penerapan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap Dua dapat membantu murid dalam menghayati nilai patriotik semasa aktiviti pembelajaran di dalam kelas?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidik merupakan seorang pensyarah muzik di salah sebuah Institut Pendidikan Guru di Negeri Perak. Hasil dapatan kajian yang diperoleh ini bukan sahaja dapat membantu penyelidik mempertingkat pengetahuan dan kemahiran sendiri malah dapat dikongsi bersama rakan setugas dan juga guru-guru pelatih. Selain itu, hasil dapatan yang diperoleh ini juga diharap akan dapat membantu pihak berkaitan seperti Guru Pendidikan Muzik, Institut Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri, Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pengajaran bagi menerapkan nilai patriotik.

Seterusnya, dapatan daripada hasil kajian diharap dapat memberi maklumat kepada pihak yang berkaitan dalam merancang kaedah yang terbaik pengajaran nyanyian lagu patriotik di samping turut mempertingkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Muzik khasnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Tambahan pula, guru Pendidikan Muzik perlu sedar bahawa mereka berperanan besar dalam sistem pendidikan kebangsaan untuk membentuk jati diri anak murid yang dididik oleh mereka. Nilai patriotik boleh diterapkan oleh mereka dengan lebih berkesan sekiranya para pendidik Pendidikan Muzik mampu melaksanakan kaedah pengajaran nyanyian lagu patriotik dengan gabungan aktiviti yang lebih menarik dan afektif. Mereka perlu berusaha agar ada perubahan paradigma dalam pengajaran dan pembelajaran. Jangan selalu merasa selesa dengan kaedah pengajaran yang diguna pakai (Johami, 2015).

Oleh itu, Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Penerapan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap Dua yang dibina oleh pengkaji diharap dapat membantu guru Pendidikan Muzik mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih menarik dan dapat menerapkan nilai patriotik dengan lebih mendalam. Adalah diharapkan agar usaha ini akan turut memberi kesan yang lebih positif terhadap nilai patriotik dalam kalangan murid, guru dan masyarakat.

## 1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini menganalisis kaedah pengajaran nyanyian dalam kalangan murid tahap dua. Namun begitu kajian ini dibataskan kepada kaedah menerapkan nilai patriotik. Skop kajian adalah difokuskan kepada mengenal pasti kaedah, teknik, pendekatan, pengetahuan dan kemahiran mengajar nyanyian lagu patriotik menggunakan Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Penerapan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap Dua yang dibangunkan oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Walaupun pengkaji menyedari bahawa bilangan subjek kajian boleh diperbanyakkan, namun keterbatasan waktu yang diperuntukkan kepada pengkaji mengekang pengkaji daripada mengambil bilangan sampel yang lebih ramai.

Namun begitu menurut Othman Lebar (2014), dalam kajian kualitatif, saiz subjek kajian yang kecil bukan menjadi masalah. Kajian boleh dilakukan dengan baik walaupun hanya dengan seorang subjek kajian. Pendapat ini selari dengan Marohaini Yusoff (2001) yang menyatakan bahawa saiz sampel yang kecil mencukupi sekiranya mampu untuk menjawab soalan kajian.

Bagi mendapatkan hasil kajian yang baik, pengkaji juga turut mengambil kira beberapa persamaan subjek kajian seperti pengalaman guru mengajar, kelayakan guru, kemahiran guru bermain alat muzik, jenis sekolah, kemudahan-kemudahan asas pengajaran dan pembelajaran seperti bilik darjah, peralatan mengajar, buku teks dan buku lagu tambahan sebagai penilaian dalam kajian ini. Langkah ini diambil bagi memastikan dapatan kajian adalah bersesuaian dan hanya boleh digunakan kepada kajian yang menggunakan pensampelan yang sama sahaja.

Penyelidikan ini berfokus kepada perlaksanaan pengajaran oleh subjek kajian setelah menggunakan Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Penerapan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap Dua di dalam bilik darjah yang dibangunkan oleh pengkaji. Fokus kajian dibataskan untuk melihat perubahan terhadap kaedah yang digunakan oleh subjek kajian dalam pengajaran nyanyian bagi menerapkan nilai patriotik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kajian turut melibatkan kesan terhadap penerapan nilai patriotik dalam kalangan murid. Hasil dapatan kajian ini tertumpu kepada kes yang dikaji sahaja dan bukan bertujuan membuat generalisasi memandangkan subjek yang kecil dan melibatkan tempoh kajian yang singkat (Othman Lebar, 2009).

## 1.8 Definisi Istilah

Antara istilah yang digunakan berdasarkan kajian pengkaji ini ialah:

### 1.8.1 Kaedah Mengajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut al-Syaibani dalam Akmariah Mamat (2010) menyatakan kaedah mengajar bermaksud segala kegiatan terarah yang dikerjakan oleh guru dalam mata pelajaran yang diajarnya, ciri-ciri perkembangan murid dan suasana alam sekitarnya dengan tujuan membantu murid-murid untuk mencapai pembelajaran yang diinginkan dan perubahan yang dikehendaki pada tingkah laku mereka. Kaedah mengajar juga bertujuan memperoleh maklumat, kemahiran, pengetahuan, kebiasaan, minat, sikap, dan nilai-nilai yang diinginkan.

### 1.8.2 Kaedah Mengajar Nyanyian

Leising (2014) menyatakan bahawa pengajaran nyanyian di dalam bilik darjah seringkali menggunakan kaedah eksplorasi vokal, nyanyian solo, kemahiran nyanyian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



secara koir, nyanyian secara harmoni, serta nyanyian dan gerakan. Murid diajar secara notasi ataupun menggunakan hafalan seni kata dan juga melodi lagu. Kemahiran ini sangat diperlukan oleh seorang guru muzik apabila mereka mengajar nyanyian.

### 1.8.3 Lagu Patriotik

Lagu patriotik menurut Ismail Marzuki (2006) ditafsirkan sebagai lagu-lagu yang mempunyai lirik yang menggambarkan perjuangan, perasaan cinta kepada tanah air, memupuk rasa persatuan dan juga mempunyai semangat kesatuan bangsa. Sementara itu Abd. Aziz Itar (2013) menekankan bahawa lagu patriotik berkembang mengikut peredaran masa. Lagu patriotik pada zaman sebelum merdeka seni kata lagu bertujuan memupuk semangat mempertahankan negara dan menuntut kemerdekaan negara. Pada masa ini, lagu-lagu patriotik lebih bertujuan menanam aspirasi negara dan menjaga keamanan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.8.4 Guru Muzik Berpengalaman

Perkara utama yang perlu ada pada seorang guru pakar serta berpengalaman ialah menguasai bidang ilmu yang diajar olehnya. Pengetahuannya meliputi bidang falsafah, teori dan praktikal. Dia juga bersikap professional sebagai seorang guru yang meliputi keperibadian sebagai seorang guru, beretika serta bersikap kasih kepada murid. Pengalaman mengajar selama lebih dari sepuluh tahun akan menjadikan mereka berpengalaman dalam bidang masing-masing (Saunders, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.8.5 Komunikasi Verbal

Faisal (2013) mendefinisikan komunikasi verbal sebagai komunikasi yang menggunakan kata-kata sama ada lisan atau bertulis. Komunikasi verbal digunakan untuk mengungkapkan perasaan, fikiran, emosi, gagasan, maksud, menyampaikan fakta, data dan informasi. Selain itu komunikasi verbal juga merupakan media untuk menerangkan sesuatu perkara, pengajaran, bertukar fikiran, perasaan, berbincang, berdebat dan berkelahi.

### 1.8.6 Komunikasi Nonverbal

Komunikasi nonverbal ditakrifkan oleh Tricia (2016) sebagai komunikasi tanpa kata-kata atau tulisan. Ia merangkumi tingkah laku yang jelas seperti ekspresi muka, gerak mata, nada suara, sentuhan, gerak isyarat dan juga tingkah laku yang kurang jelas seperti postur, pakaian dan jarak ruang antara dua atau lebih orang. Komunikasi nonverbal bertindak sebagai bantuan atau pun peneguhan untuk menyampaikan mesej melalui komunikasi verbal daripada seseorang kepada seseorang yang lain atau kepada sesuatu kumpulan yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.8.7 Pendekatan, Strategi, Kaedah Dan Teknik Pengajaran

Agung (2015), telah memberikan definisi perbezaan antara pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dengan memberi contoh setiap satu. Contoh pendekatan pengajaran ialah induktif, deduktif, tematik, intergratif dan eklektik. Strategi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pengajaran pula ialah pemusatan guru, pemusatan murid, pemusatan tugasan, pemusatan aktiviti dan juga pemusatan bahan. Seterusnya, teknik pengajaran ialah cara bagaimana penyampaian ilmu itu dilakukan. Antara contoh aktiviti yang boleh dilakukan ialah demonstrasi, perbincangan, penyelesaian masalah, lawatan, bercerita, tunjuk cara, bermain dan main peranan. Akhir sekali, kaedah pengajaran ialah satu cara yang sistematik bagaimana teknik pengajaran diaplikasikan ketika pengajaran.

## 1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Menurut Othman (2014), kerangka konseptual mengandungi variabel yang hendak dikaji. Sementara itu Mohd. Majid (2004), matlamat kerangka konseptual juga bertujuan menerangkan kesan pemboleh ubah tak bersandar kepada pemboleh ubah bersandar. Pengkaji menggunakan Model Sim dalam menjalankan kajian ini. Model ini menyatakan bahawa terdapat empat faktor interaksi yang saling berkait dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu objektif pengajaran dan pembelajaran, bahan, guru dan murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menjalankan kajian ini adalah kerana wujud permasalahan guru-guru Pendidikan Muzik di Sekolah Rendah Tahap Dua yang memerlukan kaedah pengajaran yang lebih baik untuk digunakan bagi menerapkan nilai patriotik semasa mengajar nyanyian lagu patriotik. Kajian meliputi analisis dokumen, pembinaan, penggunaan dan penilaian Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Menerapkan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap 2. Kaedah yang dibangunkan diharap dapat meningkatkan perasaan serta tindakan yang dapat menunjukkan cinta terhadap negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


yang merangkumi aspek seperti; cinta terhadap negara, budaya, alam persekitaran, tokoh serta pemimpin negara.

Kajian yang dijalankan ditunjukkan dalam gambar rajah Kerangka Konseptual Kajian berdasarkan Model ADDIE yang dibina oleh Branson, Rayner, Cox, Furman, King dan Hannum (1975).

Pengkaji telah merujuk kepada kaedah-kaedah pengajaran yang diilhamkan oleh ramai tokoh pendidikan nyanyian lagu patriotik dari luar negara bagi mendapatkan idea-idea bernas bagaimana untuk menerapkan nilai patriotik semasa mengajar nyanyian lagu patriotik seperti Tracy King (2015), Laura Varlas (2008), John Philip Sousa (2015), Ben Johnson (2014), Karen Ullman dan Stacy Thompson (2005), Suzanne Gonsalves (2011), Julie Palmieri (2016), Oopsey Daisy (2011), Jo Ann Jordan (2015), Rachelle Norman (2016), Aileen Miracle (2013), (Giulia Ray, 2002), Beatriz Ilari dan Susan Young (2016), Bethany Rice (2016) serta Tricia (2016).

Di samping itu, pengkaji turut merujuk bahan-bahan dari dalam negara seperti Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Tahap Dua Kementerian Pendidikan Malaysia (2010), Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Muzik, buku teks, falsafah pendidikan negara, buku-buku lagu patriotik dan sebagainya untuk membina kaedah pengajaran ini agar dapat disesuaikan dengan situasi sebenar di tempat kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam membina Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Menerapkan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap 2 ini, pengkaji juga telah mendapatkan pandangan pakar yang terdiri dari para pensyarah Unit Muzik Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, guru pakar Pendidikan Muzik serta Penyelia Pendidikan Muzik Negeri Perak.

Dapatan hasil daripada perbincangan dan komen yang diberi telah dijadikan sumber utama untuk pemurnian Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Menerapkan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap 2. Di samping itu, pengkaji menggunakan teknik Delphi bagi pengesahan pakar dalam membangunkan kaedah pengajaran ini. Teknik ini digunakan bagi memastikan kaedah pengajaran yang dihasilkan berkualiti dan menepati kehendak pengajaran yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji juga telah menjalankan kajian rintis bagi menguji kaedah pengajaran yang dibangunkan. Dapatan dari kajian rintis tersebut telah dirujuk bagi satu lagi proses pemurnian terhadap kaedah pengajaran yang dibangunkan. Seterusnya Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Menerapkan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap 2 telah sedia untuk diaplikasikan oleh subjek kajian yang sebenarnya.

Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Menerapkan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap 2 telah diaplikasikan oleh tiga orang Subjek Kajian yang dipilih untuk dilaksanakan di dalam bilik darjah. Subjek Kajian yang dipilih juga digunakan sebagai penilai kepada kaedah pengajaran yang dibina oleh pengkaji. Dapatan data diperoleh melalui pemerhatian, analisis dokumen serta temu bual di sepanjang proses ini. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**Rajah 1.1**

*Kerangka Konseptual Kajian*




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.10 Rumusan

Fokus utama kajian ialah meninjau perubahan amalan perlaksanaan pengajaran guru muzik berpengalaman menggunakan Kaedah Pengajaran Nyanyian Berfokus Kepada Menerapkan Nilai Patriotik Dalam Kalangan Murid Tahap 2 di sekolah rendah dalam Daerah Kinta Utara bagi menerapkan nilai patriotik sewaktu mengajar nyanyian lagu patriotik. Perkara lain yang turut dibincangkan ialah Latar Belakang Kajian, Pernyataan Masalah, Objektif Kajian, Soalan Kajian, Kepentingan Kajian, Skop dan Batasan Kajian dan juga beberapa Definisi Istilah yang diguna pakai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi